

PANDUAN PERMOHONAN **ORANG KOMPETEN** **MENGENDALIKAN** **LEBIH DARI SATU** **PEPASANGAN**



KAWALAN DOKUMEN

VERSI	TARIKH SEMAKAN	SEMAKAN OLEH	ORGANISASI
Edisi Pertama	Ogos 2024	Jabatan Kawal Selia Keselamatan	Suruhanjaya Tenaga

ISI KANDUNGAN

1.0	TUJUAN	1
2.0	LATAR BELAKANG	1
3.0	SYARAT-SYARAT PERMOHONAN	2
4.0	SENARAI DOKUMEN PERMOHONAN	4
5.0	PROSEDUR PERMOHONAN	5
	LAMPIRAN 1	6
	LAMPIRAN 2	7

1.0 TUJUAN

Panduan ini adalah bertujuan untuk memaklumkan prosidur permohonan orang kompeten mengendalikan lebih daripada satu pemasangan di bawah majikan yang sama.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Kebelakangan ini, terdapat peningkatan pada permohonan untuk mendaftarkan seorang orang kompeten di beberapa pemasangan oleh pihak industri susulan daripada tindakan penguatkuasaan yang giat dijalankan oleh Suruhanjaya Tenaga (ST). Susulan daripada permohonan ini, pihak pengurusan telah memutuskan untuk mempertimbangkan permohonan tersebut dan ianya adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan bagi memenuhi keperluan semasa industri dan dalam masa yang sama dapat memastikan keselamatan terjamin.
- 2.2 Peruntukan di bawah Peraturan 63(3), Peraturan - Peraturan Elektrik 1994 menyatakan bahawa "Seseorang, yang memegang satu atau lebih Perakuan Kekompetenan yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini, tidak boleh mendaftar atau dibenarkan mendaftar perakuan atau perakuan-perakuan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, dengan lebih daripada satu majikan atau pemasangan kecuali mendapat kebenaran bertulis daripada Suruhanjaya."
- 2.3 Berdasarkan peruntukan di atas, seorang orang kompeten hanya dibenarkan untuk mendaftarkan perakuan atau perakuan-perakuannya hanya pada satu majikan atau satu pemasangan sahaja. Sekiranya orang kompeten tersebut ingin mendaftarkan perakuannya di beberapa pemasangan, hendaklah mendapatkan kebenaran bertulis daripada ST.
- 2.4 Sehubungan dengan itu, pembangunan panduan ini dapat dijadikan sebagai panduan mengenai prosedur permohonan serta penyediaan dokumen-dokumen sokongan yang perlu dikemukakan kepada ST sebelum sebarang kelulusan diberikan.


3.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

3.1 Sebelum permohonan dilakukan, pemohon perlulah mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan seperti Jadual A sekiranya orang kompeten akan mengendalikan beberapa pemasangan elektrik.



Jadual A: Syarat-syarat Permohonan Orang Kompeten Mengendalikan Beberapa Pemasangan Elektrik

3.2 Manakala bagi permohonan di mana orang kompeten akan mengendalikan pemasangan solar yang dipasang di atas premis pemasangan lain selain Large Scale Solar (LSS), pemohon perlu mematuhi syarat-syarat seperti Jadual B.



Jadual B: Syarat-syarat Permohonan Orang Kompeten Mengendalikan Beberapa Pemasangan Solar

- 3.3 Bagi permohonan Orang Kompeten Mengendalikan Beberapa Pemasangan Elektrik dan Pemasangan Solar di premis yang sama, seorang orang kompeten hanya dibenarkan untuk mengendalikan tidak lebih daripada 3 pemasangan elektrik dan 3 pemasangan solar. Selain daripada itu, pemohon perlulah mematuhi syarat-syarat lain pada 3.1 dan 3.2.
- 3.4 ST mempertimbangkan permohonan Orang Kompeten Mengendalikan Beberapa Pemasangan secara berkala bagi pemasangan yang beroperasi tidak sepenuh masa, untuk orang kompeten hadir ke pemasangan apabila pemasangan tersebut beroperasi dengan syarat seperti berikut:

- 3.4.1 Pemasangan atau kelengkapan loji elektrik yang dikendalikan pada voltan rendah dan menerima tenaga melalui peralatan suis dengan kadaran 100 ampere atau lebih;
 - 3.4.2 Penjaga Jentera perlu berada di pemasangan sepanjang masa sekiranya premis digunakan;
 - 3.4.3 Walaupun premis tidak beroperasi, penjaga jentera perlu hadir ke pemasangan secara berkala bagi memastikan pemasangan sentiasa berada dalam keadaan baik;
 - 3.4.4 Memenuhi Keperluan Lawatan Penyelia Elektrik/ Jurutera Elektrik Kompeten Pelawat.
 - 3.4.5 Syarat-syarat pada para 3.1 perlulah dipatuhi sekiranya berkaitan.
- 3.5 Selain daripada syarat-syarat yang dinyatakan, pemohon perlulah mematuhi syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh ST.

4.0 SENARAI DOKUMEN PERMOHONAN


- 4.1 Setelah semua syarat dipatuhi, pemohon hendaklah mengemukakan dokumen permohonan yang lengkap seperti berikut:
- 4.1.1 Surat permohonan daripada pemilik/pihak pengurusan pemasangan.
 - 4.1.2 Pengesyoran Jurutera Elektrik Kompeten/ Penyelia Elektrik yang berdaftar dengan ST berkenaan pelantikan orang kompeten.
 - 4.1.3 Jarak di antara satu pemasangan ke satu pemasangan sekiranya ingin melantik orang kompeten yang sama bagi menjaga lebih dari satu (1) pemasangan (Lampirkan pelan lokasi pemasangan).
 - 4.1.4 Maklumat pemasangan serta orang kompeten yang telah dilantik di pemasangan tersebut:
 - i. Perakuan Pendaftaran Pemasangan;
 - ii. Perakuan Kekompetenan Orang Kompeten;
 - iii. Borang Pendaftaran Orang kompeten dengan pemasangan;
 - iv. Senarai semua orang kompeten yang dilantik;
 - v. Lokasi orang kompeten akan ditempatkan;
 - vi. Lain-lain dokumen yang berkaitan
 - 4.1.5 Skop kerja orang kompeten yang telah dilantik.
 - 4.1.6 Justifikasi terperinci yang membuktikan bahawa pemohon mampu menjamin keselamatan pemasangan elektrik sekiranya seorang orang kompeten mengendalikan beberapa pemasangan elektrik yang berdekatan.
 - 4.1.7 Lukisan skematik.
 - 4.1.8 Ciri-ciri keselamatan bagi pemasangan solar seperti *Online Monitoring and Remote System, Automatic Switch* dan kontraktor yang akan menjalankan *Operation & Maintenance*.

- 4.1.9 Inisiatif-inisiatif syarikat dalam melantik orang kompeten bagi mematuhi Akta Bekalan Elektrik 1990 (ABE 1990) dan Peraturan-Peraturan Elektrik 1994 (PPE 1994).
 - 4.1.10 Slaid pembentangan mengandungi maklumat syarikat dan pemasangan termasuk Dokumen 4.1.1 sehingga Dokumen 4.1.9.
- 4.2 Permohonan lengkap hendaklah dikemukakan melalui surat rasmi di alamat seperti berikut:

**Pengarah
Jabatan Kawal Selia Keselamatan
Suruhanjaya Tenaga
No. 12, Jalan Tun Hussein
Presint 2, 62100 Putrajaya
Malaysia**

5.0 PROSEDUR PERMOHONAN

- 5.1 Pemohon dikehendaki membaca dan mematuhi syarat – syarat kelayakan permohonan sebelum membuat sebarang permohonan. Prosedur permohonan dan kelulusan adalah seperti pada LAMPIRAN 1.
- 5.2 Namun begitu, kelulusan akhir adalah tertakluk kepada pertimbangan ST.





SENARAI SEMAK DOKUMEN PERMOHONAN

Nama Syarikat	:	ABCD Sdn Bhd
Alamat	:	Lot 123, Jalan Tunku Abd Rahman, WP Kuala Lumpur.
Tarikh Permohonan	:	12 Ogos 2024
Jenis Permohonan	:	<input type="checkbox"/> Pemasangan Elektrik Sahaja <input type="checkbox"/> Pemasangan Solar Sahaja <input type="checkbox"/> Pemasangan Elektrik & Solar
Rujukan fail	:	

SENARAI SEMAK:

Bil.	Penerangan senarai semak	Pematuhan	
		Mematuhi	Tidak Mematuhi
1.	Surat Permohonan daripada Pemunya/Pemilik/Pihak Pengurusan/ <i>Investor</i> pemasangan.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2.	Latar Belakang Syarikat.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3.	Perakuan pendaftaran pemasangan elektrik (Borang B) atau Lesen Pemasangan elektrik di bangunan.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4.	Sijil (sekiranya ada) bagi program solar berkaitan (solar sahaja)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5.	Perakuan Kekompetenan Penjaga Jentera & Jurutera Elektrik Kompeten/ Penyelia Elektrik.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6.	Pendaftaran orang kompeten di pemasangan.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
7.	Senarai semua orang kompeten yang dilantik di pemasangan.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
8.	Pelan lokasi pemasangan/ google maps berserta jarak di antara satu pemasangan ke satu pemasangan.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
9.	Skop kerja orang kompeten yang telah dilantik, yang jelas termasuk pemasangan yang ditugaskan.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
10.	Surat Pengesyoran Jurutera Elektrik Kompeten/ Penyelia Elektrik yang telah dilantik berkenaan pelantikan orang kompeten untuk mengendalikan beberapa pemasangan.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
11.	Dokumen sokongan yang menunjukkan semua pemasangan di bawah pengurusan yang sama.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

Bil.	Penerangan senarai semak	Pematuhan	
		Mematuhi	Tidak Mematuhi
12.	Justifikasi terperinci yang membuktikan bahawa pihak tuan/puan mampu menjamin keselamatan pemasangan elektrik dan solar.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
13.	Ciri-ciri keselamatan seperti online monitoring and remote system, jenis Protection System sekiranya berlaku kecemasan. (<i>pepasangan solar sahaja</i>)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
14.	Single Line Diagram bagi pemasangan solar.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
15.	Single Line Diagram bagi pemasangan elektrik. (Existing MSB)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
16.	Spesifikasi Inverter yang digunakan. (<i>pepasangan solar sahaja</i>)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
17.	Inisiatif-inisiatif syarikat dalam melantik orang kompeten bagi mematuhi Akta Bekalan Elektrik 1990 (ABE 1990) dan Peraturan-Peraturan Elektrik 1994 (PPE 1994).	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
18.	Perakuan Pendaftaran ST & SEDA bagi Kontraktor yang menjalankan Operation & Maintenance. (<i>pepasangan solar sahaja</i>)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
19.	Slaid pembentangan mengenai skop permohonan & justifikasi berkaitan.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>



SURUHANJAYA TENAGA (*ENERGY COMMISSION*)

NO. 12, JALAN TUN HUSSEIN, PRECINCT 2,
62100 PUTRAJAYA MALAYSIA



(603) 8870 8500



www.st.gov.my

THINK **SAFETY**, THINK **ST**